

# INFO PSIKOLOGI

## MOTIVASI DIRI



SIRI APRIL 2017

**Kalau gaduh dengan pelanggan,  
Walaupun kita menang,  
Pelanggan tetap akan lari.**

**Kalau gaduh dengan rakan sekerja,  
Walaupun kita menang,  
Tiada lagi semangat bekerja satu  
kumpulan.**

**Kalau kita gaduh dengan boss,  
Walaupun kita menang,  
Tiada lagi masa hadapan di tempat itu.**

**Kalau kita gaduh dengan keluarga,  
Walaupun kita menang,  
Hubungan kekeluargaan akan  
renggang.**

**Kalau kita gaduh dengan guru,  
Walaupun kita menang,  
Keberkatan menuntut ilmu dan  
kemesraan itu akan hilang.**

**Kalau gaduh dengan kawan,  
Walaupun kita menang,  
Yang pasti kita akan kekurangan kawan.**

**Kalau gaduh dengan pasangan,  
Walaupun kita menang,  
Perasaan sayang pasti akan berkurangan.**

**Kalau kita gaduh dengan sesiapa pun,  
Walaupun kita menang,  
Kita tetap kalah...**

**Yang menang... cuma ego diri sendiri  
yang susah... mengalahkan ego diri sendiri.**

**Renungan bersama...**

**Apabila menerima teguran, usah terus melenting, bersyukur, masih ada yang mahu  
menegur kesilapan kita.**

**# BAHAGIA ITU SEDERHANA.**